

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NASIONAL

360,971 sudah lengkap terima 2 dos

Kuala Lumpur: Sebanyak 360,971 individu dalam kumpulan fasa pertama Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan sudah melengkapkan dua dos suntikan vaksin setakat kelmarin.

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Adham Baba, berkata bagi tempoh sama 558,750 sudah menerima dos pertama, menjadikan jumlah keseluruhan pemberian dos pertama dan kedua vaksin COVID-19 di negara ini adalah 919,721.

Dr Adham menerusi satu infografik yang dikongsikan di laman Twitter rasminya memaklumkan lima negeri menerima suntikan dos pertama vaksin tertinggi ialah Selangor dengan 75,225, diikuti Sarawak (57,466), Perak (52,548), Sabah (52,322) dan Kuala Lumpur (51,100).

Sementara itu, lima negeri yang melengkapkan kedua-dua dos suntikan vaksin tertinggi setakat ini ialah Selangor dengan 48,493 individu diikuti Sabah (39,089), Perak (34,436), Kuala Lumpur (32,141) dan Sarawak (29,873).

Bagi pendaftaran Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan pula, Dr Adham memaklumkan setakat kelmarin 8,309,480 atau 34.30 peratus mendaftar dengan Selangor merekodkan angka tertinggi iaitu 2,237,971.

Mengikut perancangan program imunisasi berkenaan, tempoh pelaksanaan fasa pertama pemberian vaksin bermula Februari hingga April ini membabitkan 500,000 anggota barisan hadapan termasuk petugas kesihatan.

Fasa kedua yang dijangka April hingga Ogos tahun ini, membabitkan 9.4 juta warga emas berusia 60 tahun ke atas, kumpulan rentan dan orang kurang upaya, manakala fasa ketiga dijadual bermula Mei hingga Februari 2022 membabitkan individu 18 tahun dan ke atas dengan sasaran kira-kira 14 juta orang.

BERNAMA

AKHBAR : BERITA HARIAN

MUKA SURAT : 9

RUANGAN : NASIONAL

Lindungi diri dengan gaya hidup sihat

Rakyat Malaysia diajak sertai Virtual Run sempena Hari Aktiviti Fizikal Sedunia

Kuala Lumpur: Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) melaporkan ketidakaktifan fizikal adalah punca kematian keempat tertinggi di dunia iaitu enam peratus kadar kematian setiap tahun.

Tinjauan Kesihatan dan Morbiditi Kebangsaan (NHMS) 2019, mendapati 25.1 peratus rakyat Malaysia tidak aktif secara fizikal.

Sehubungan itu, Kementerian Kesihatan (KKM), berusaha mengingatkan, menggalak dan menyedarkan platform kepada masyarakat untuk mengambil peluang dalam membudayakan aktiviti fizikal dalam rutin harian sebolehnya mungkin.

La seiring Hari Aktiviti Fizikal Sedunia disambut setiap tahun di seluruh dunia pada 6 April. Sambutan pada kali ini bertepatan, *Every Step Counts* bermaksud,

Setiap Langkah Bermakna.

Antara objektif sambutan adalah memberi kesedaran masyarakat untuk kekal aktif dan menggalakkan pembudayaan aktiviti fizikal dalam rutin harian, selain meningkatkan amalan tingkah laku hidup aktif.

Menteri Kesihatan, Datuk Sri Dr Adham Baba, berkata dengan separuh populasi di Malaysia berlebihan berat badan atau obes, adalah penting untuk kita menang dalam 'perang' obesiti di Malaysia.

"Kita semua sedar cara hidup aktif penting untuk mengekalkan kesihatan yang baik. Namun, cabaran dari pelbagai aspek dalaman dan luaran bagi seseorang itu untuk sentiasa aktif secara fizikal sentiasa wujud.

"Sebagai contoh, waktu skrin yang semakin meningkat pastinya satu cabaran besar untuk kita. Lebih-lebih lagi dengan situasi pandemik COVID-19 yang meningkatkan penggunaan gajet telekomunikasi untuk bekerja, berniaga dan bersekolah secara dalam talian/virtual," katanya.

Dr Adham berkata, cara hidup aktif dalam norma baharu penting supaya kita tidak terleka dalam menjaga kesihatan daripada risiko penyakit tidak berjangkit seperti penyakit jantung, diabetes, hipertensi dan kanser.


Justeru, beliau menyeru masyarakat sama-sama berjuang untuk sentiasa kekal aktif dan sihat serta mengajak semua untuk menyertai Virtual Run sempena Hari Aktiviti Fizikal Sedunia yang sedang berlangsung dari sekarang hingga 30 April ini.

Sementara itu, Pengarah Bahagian Pendidikan Kesihatan, Suraiya Syed Mohamed, berkata sempena Hari Aktiviti Fizikal Sedunia, KKM merancang aktiviti bagi masyarakat Malaysia untuk membabitkan diri dalam aktiviti fizikal seperti *Virtual Run*, *Steps Challenge* dan *TikTok Challenge*.

"Sempena sambutan yang sama, KKM melancarkan Gimnasium KKM bagi memudahkan warga kesihatan meluangkan masa untuk melakukan aktiviti fizikal di tempat kerja.

"KKM juga mengambil pelbagai inisiatif dalam menyediakan platform bagi mempromosikan aktiviti fizikal," katanya.

Antara aktiviti dijalankan ialah Kempen WALK (*When Active Living Kicks*), senaman virtual melalui Live Facebook Kementerian Kesihatan Malaysia - Portal MyHealth, cabaran larian virtual, program pengurusan berat badan iFitEr (*I Fit and Eat Right*) dan promosi cara hidup sihat melalui *Wellness Hub* dalam



komuniti dan banyak lagi.

Seiring aktiviti dirancang, Suraiya menggesa masyarakat Malaysia supaya sentiasa mengambil peluang bergerak aktif.

"Pilih untuk naik tangga berbanding lif, berjalan atau berbasikal bersama keluarga. Ber-

jalan sekurang-kurangnya 10,000 langkah setiap hari dan elakkan waktu duduk yang lama," katanya.

Untuk maklumat lanjut, orang ramai digalakkan melayari portal MyHealth Kementerian Kesihatan Malaysia, www.myhealth.gov.my

'Wajib vaksin tak boleh diputuskan sekarang'

Kuala Lumpur: Pemberian vaksin wajar diwajibkan kepada semua penduduk jika jumlah individu yang menerima suntikan pelalian itu dicatatkan pada kadar rendah selepas fasa ketiga Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) dilaksanakan kelak.

Presiden Persatuan Pakar Perubatan Kesihatan Awam Malaysia (PPPKAM), Datuk Dr Zainal Ariffin Omar, berkata cadangan supaya pengambilan vaksin diwajibkan tidak boleh dimuktamadkan sekarang hanya berpandukan kepada faktor jumlah pendaftaran diterima program vaksinasi yang rendah.

Beliau berkata, ini kerana jumlah pendaftaran tidak mengambarkan kejayaan pelaksanaan program pelalian berskala besar dilakukan kerajaan ketika ini, sebaliknya perlu mengutamakan

objektif pelaksanaannya iaitu pemberian suntikan vaksin.

Selain itu, katanya, kerajaan tidak boleh mengambil pendekatan terlalu rigid berhubung jumlah pendaftaran dan perlu mengkaji sebab proses itu tidak dapat dimaksimumkan, terutama di kawasan luar bandar serta pedalaman.

"Kerajaan tidak mempunyai alasan untuk mewajibkan pengambilan vaksin ketika ini kerana kerajaan sendiri yang memberi pilihan orang ramai sama ada mahu menyertai pendaftaran atau tidak.

"Selain itu, tidak wajar jika ada pihak menyatakan program pelalian akan gagal jika kadar pendaftaran rendah kerana ia tidak berpandukan faktor teknikal terkini," katanya ketika dihubungi, semalam.

Beliau berkata demikian keti-

ka mengulas cadangan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Khairy Jamaluddin yang mahu mewajibkan pengambilan vaksin COVID-19, jika kadar pendaftaran masih rendah, menjelang September depan.

Kelmarin, Khairy dilaporkan berkata, cadangan itu dibuat bagi memastikan negara mencapai imuniti kelompok menjelang Disember depan dengan 70 peratus

populasi di negara ini diberi vaksin.

Berdasarkan maklumat rasmi Jawatankuasa Khas Jaminan Akses Bekalan Vaksin COVID-19 (JKJAV), seramai 8,378,754 individu sudah mendaftar dalam program imunisasi itu menerusi aplikasi MySejahtera sehingga keimarin, manakala 565,940 orang sudah menerima dos pertama vaksin dan 375,260 pula bagi

dos kedua pelalian itu.

Ditanya pendekatan sesuai bagi pelaksanaan program imunisasi itu, Dr Zainal Ariffin berkata, kerajaan wajar mempertimbangkan kaedah pelalian secara terus di sesuatu lokaliti dan komuniti tanpa janji temu.

"Peringkat awal kita sasaran 80 peratus penduduk di sesuatu lokaliti atau komuniti terbabit, kemudian kita ulang lagi proses sama jika ada sebilangan kecil yang mungkin terlepas atau tertinggal daripada mendapatkan suntikan vaksin di situ.

"Logistik tidak menjadi isu dalam hal ini dan kerajaan perlu mempertimbangkan penggunaan vaksin Sinovac, AstraZeneca dan Cansino secara meluas bagi tujuan ini. Saya bekerja di lapangan dan tahu tahap kebolehlaksanaannya," katanya.

Kerajaan tidak mempunyai alasan untuk mewajibkan pengambilan vaksin ketika ini kerana kerajaan sendiri yang memberi pilihan orang ramai

Dr Zainal Ariffin Omar,
Presiden PPPKAM



Terkini COVID-19 1,248

Pulih, dibenarkan keluar hospital, semalam

1,510

Kes baharu disahkan, semalam

1,321

Jumlah kematian dicatat


359,117

Jumlah kes disahkan positif

15,059

kes yang masih dirawat

AKHBAR : KOSMO
 MUKA SURAT : 4
 RUANGAN : NEGARA



SEORANG lelaki menunggang basikal di atas jalan yang dipenuhi bunga pokok angsa yang luruh di Jalan Padang Garong, Kota Bharu semalam. - ZULHANIFA SIDEK

Jangkitan babit pekerja awam, kewangan dan kilang **Kluster tempat kerja terus sumbang kes**

* Oleh SITI A'ISYAH SUKAIMI

PUTRAJAYA – Pekerja institusi kewangan, kakitangan perkhidmatan awam dan pekerja kilang antara kes kluster baharu tempat kerja yang menyumbang kepada 1,510 kes harian.

Sembilan kluster baharu dikenal pasti melibatkan enam kluster tempat kerja dan tiga kluster komuniti dilaporkan di Selangor, Sarawak, Kelantan, Kuala Lumpur, Johor dan Terengganu.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr. Nor Hisham Abdullah berkata, kluster yang menyumbang peningkatan tertinggi memabatkan Kluster Sungai Kluang Empat (30 kes), Kluster Rich Park

(28 kes) dan Kluster Kampung Belaoh (24 kes).

Menurutnya, kluster tempat kerja yang dikesan ialah Kluster Industri Jalan Kebun di Klang dan Petaling, Selangor dengan 35 kes hasil saringan bersasar di tempat kerja melibatkan pekerja industri.

"Kluster Pujut Satu di Miri, Sarawak dengan 24 kes iaitu kes indeks bergejala dan Kluster Bandar Baru Kubang Kerian di Tumpat, Bachok dan Kota Bharu, Kelantan dengan 34 kes melibatkan pekerja institusi kewangan di Kubang Kerian, Kota Bharu dan kontak rapat kes positif.

"Kluster Jalan Tun Ismail di Kepong, Titiwangsa dan Cheras,

Kuala Lumpur serta Petaling dengan 15 kes iaitu kes indeks bergejala serta melibatkan kakitangan awam," katanya dalam kenyataan akhbar di sini semalam.

Beliau berkata, Kluster Jalan Kempas Satu di Muar, Johor pula dengan lapan kes.

"Seterusnya, Kluster Jalan Padu Industri di Johor Bahru dengan 15 kes," katanya.

Tambahnya, kluster komuniti pula ialah Kluster Kampung Kelanang di Selangor dengan 12 kes, Kluster Jalan Kapitan pula di Marudi, Sarawak (22 kes) dan Kluster Kampung Tanjung di Kuala Nerus dan Dungun, Terengganu serta Pasir Puteh, Kelantan dengan 13 kes.

Kluster Belaoh punca dari kedai kopi

KUALA TERENGGANU – Kluster baharu iaitu Kluster Belaoh yang dicatatkan di Terengganu berpunca daripada tabiat penduduk kampung berkumpul minum di kedai kopi.

Pengarah Kesihatan Terengganu, Dr. Nor Azimi Yunus berkata, setakat ini, 25 orang telah disahkan positif Covid-19 termasuk lapan kes terbaharu kelmarin daripada kluster berkenaan yang berasal dari Kampung Belaoh, Kampung Projek Perumahan Rakyat Termiskin (PPRT) Belaoh Baru dan Kampung Keruak, Hulu Besut.

"Selalunya kewujudan kluster

baharu dikaitkan dengan majlis keramaian seperti kenduri kahwin, tahlil dan hari jadi tetapi di Kampung Belaoh, ia disebabkan aktiviti sosial penduduk 'mengeteh' (minum) di kedai kopi selepas solat.

"Kebiasaannya semasa di masjid dan surau patuh SOP (prosedur operasi standard) tetapi tidak di kedai kopi. Lepas (solat) Asar ke kedai lain, lepas (solat) Isyak kedai lain pula," katanya menerusi satu kenyataan di sini semalam.

Sebelum ini, Menteri Kanan (Keselamatan), Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob memaklumkan

pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) di Kampung Belaoh, Kampung PPRT Belaoh Baru dan Kampung Keruak berkuat kuasa 6 April lalu.

Nor Azimi berkata, perkumpulan di kedai kopi tersebut menjadi punca kepada penularan Covid-19 dalam kalangan penduduk kampung tersebut sebelum tersebar kepada ahli keluarga mereka pula.

Sehubungan itu, jelas beliau, ujian saringan bersasar akan dilaksanakan kepada 2,322 penduduk tiga perkampungan berkenaan.

AKHBAR : SINAR HARIAN

MUKA SURAT : 7

RUANGAN : VAKSIN UNTUK RAKYAT

1,510 kes baharu, lapan kematian

Selangor kembali catat rekod tertinggi dengan 415 kes positif

KUALA LUMPUR

Kes positif Covid-19 di Malaysia menurun sedikit dalam tempoh 24 jam lepas dengan 1,510 kes baharu berbanding 1,854 Jumaat dengan lapan kematian dilaporkan pada Sabtu.

Perkembangan terbaharu itu menjadikan kes terkumpul positif Covid-19 di negara ini berjumlah 359,117 dengan kes aktif sebanyak 15,059, sementara jumlah kumulatif kematian mencecah 1,321.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah berkata, daripada jumlah kes baharu itu, 1,505 melibatkan penularan dalam negara dan lima kes import.

"Kes sembuh harian pula mencatat 1,248 kes menjadikan jumlah keseluruhan pesakit yang sembuh setakat hari ini (Sabtu) sebanyak 342,737 kes," katanya menerusi infografik yang dikongsikan di laman Twitter beliau pada Sabtu.

Sebanyak 194 kes dirawat di Unit Rawatan Rapi (ICU) dengan 81 daripadanya memerlukan alat bantuan pernafasan.

Dalam kenyataan perkembangan harian Covid-19 pula, Dr Noor Hisham berkata, Selangor melaporkan kes harian baharu tertinggi sebanyak 415 kes, sementara Sarawak (296),

Kelantan (171), Sabah (131), Kuala Lumpur (106) dan Pulau Pinang (101) pula merekodkan kes harian melebihi 100 kes.

Berhubung kes kematian, beliau berkata, kesemuanya melibatkan warganegara iaitu enam lelaki dan dua wanita, masing-masing berusia antara 48 hingga 83 tahun serta mempunyai latar belakang penyakit kronik.

Mengenai kluster baharu, Dr Noor Hisham berkata, sembilan kluster dikesan pada Sabtu dengan enam membabitkan penularan di tempat kerja dan tiga kluster melibatkan komuniti.

Katanya, kluster baharu tempat kerja yang direkodkan ialah Kluster Industri Jalan Kebun di Selangor; Kluster Pujut Satu (Sarawak); Kluster Bandar Baru Kubang Kerian (Kelantan);




Peniaga menyediakan notis, buku catatan, mesin tekanan suhu, cecair pembasmi kuman dan sarung tangan di pintu masuk untuk kegunaan pengunjung sebagai mematuhi prosedur operasi standard (SOP) di tapak Festival Ramadan 2021 (FESTIRA 2.1) Kompleks PKNS Shah Alam pada Sabtu.

tan); Kluster Jalan Tun Ismail (Kuala Lumpur); manakala Kluster Jalan Kempas Satu dan Kluster Jalan Padu Industri dikesan di Johor.


"Bagi kluster melibatkan

komuniti yang dilaporkan pula ialah Kluster Kampung Kelang di Selangor, Kluster Jalan Kapitan (Sarawak) dan Kluster Kampung Tanjung (Terengganu). - Bernama

SITUASI TERKINI KES COVID-19 DI MALAYSIA



JUMLAH KES BAHARU DAN SEMBUH DILAPORKAN SETIAP HARI					
JUMLAH KESELURUHAN:	359,117	PULIH:	342,737	ICU:	194
		KEMATIAN:	1,321	KES BAHARU:	+1,510
		SUDAH DIVAKSIN:	941,200		



AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 5

RUANGAN : NEWS/NATION

8 DEATHS

NATION LOGS 1,510 COVID-19 INFECTIONS

Selangor tops the list with 415 cases, followed by Sarawak and Kelantan

HANA NAZ HARUN
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

THE country continues to log new Covid-19 cases in the thousands, with 1,510 infections yesterday. This brings the cumulative total to 359,117.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said Selangor topped the list at 415

cases, followed by Sarawak (296) and Kelantan (171).

Of the new cases, 1,505 were local infections, while five were imported involving a Malaysian and four foreigners.

"Eight deaths were reported today (yesterday), involving four in Sarawak, three in Selangor and one in Pahang. All deaths were Malaysians," he said.

Up to yesterday, 194 people were undergoing treatment in



A medical frontline screening a woman for Covid-19 at Sungai Buloh Hospital, Petaling, on Friday. PIC BY SAIFULLIZAN TAMADI

the intensive care unit, with 81 needing ventilator support.

The ministry logged 1,248 recoveries yesterday, increasing the number to 342,737, or 95.4 per cent.

Three out of the nine new Covid-19 clusters reported yesterday were community-spread clusters in Selangor, Sarawak, Terengganu and Kelantan.

Cumulatively, the Kampung Kelanang (Kuala Langat, Selangor), Jalan Kapitan (Marudi, Sarawak), and Kampung Tanjung

(Kuala Nerus and Dungun, Terengganu, and Pasir Puteh, Kelantan) clusters recorded 47 positive cases yesterday.

Dr Noor Hisham said the six remaining clusters were workplace clusters. These were in Selangor, Sarawak, Kelantan, Kuala Lumpur and Johor.

"These bring the total number of clusters to 1,451, with 343 active ones. Fifty-seven clusters reported an increase in cases today (yesterday).

"Clusters with the highest

number of new cases are the Sungai Kluang Empat cluster with 30 cases, Rich Park cluster (28) and the Kampung Belaoh cluster (24)."

Up to yesterday, 1,108 clusters have ended, included eight that ended the same day.

These clusters are the Jalan Pria, Jalan Mega Cemerlang, Jalan Industri Dua, Tapak Bina Damar, Jalan Perusahaan Tiga, Rantau Tanjung, Jalan Cochrane, and Lembah Subang Construction Site clusters.

Every step counts for a healthier life



Datuk Mohd Shafiq Abdullah

KUALA LUMPUR: Many middle-aged Malaysians are suffering from chronic illnesses, and these can prevent them from functioning productively and discharging their responsibilities to their family as planned.

The Health Ministry is concerned over the burden of lifestyle diseases among Malaysians such as diabetes and hypertension, which are the result of unhealthy lifestyle practices.

It is especially so during the Covid-19 pandemic, which made keeping active a challenge. One must not ignore the negative aspects of a sedentary lifestyle.

The National Health and Morbidity Survey (2019) reported that half of the population is overweight or obese.

Obesity is a risk factor that leads to the prevalence of lifestyle-related diseases. Meanwhile, physical inactivity is the fourth leading risk factor for global mortality and estimated to cause six per cent of deaths worldwide (World Health Organisation, 2013).

In conjunction with World Physical Activity Day, celebrated globally on April 6, the ministry calls on all Malaysians to be more physically active.

Health Ministry secretary-general Datuk Mohd Shafiq Abdullah said it had invested a great deal in providing the best health care services to empower and facilitate people in achieving better health status.

However, he said, being healthy and active was an individual's choice and that people had to change their behaviour to enjoy better health and quality of life.

"We cannot disregard that every culture in Malaysia celebrates food, and what more to say when food becomes a social instrument. However,

"We need to understand that health is important to be socially functional. Healthy individuals build a happy family and society. We need to be healthy to function as happy parents, children, teachers, friends, leaders or other societal roles. We all play an important role in the growth of a society."

DATUK MOHD SHAFIQ ABDULLAH
Health Ministry secretary-general

we must ensure that we have the knowledge and right attitude to manage our food consumption and energy expenditure to mitigate potential health threats.

"We need to understand that health is important to be socially functional. Healthy individuals build a happy family and society. We need to be healthy to function as happy parents, children, teachers, friends, leaders or other societal roles. We all play an important role in the growth of a society," he said.

He said the rise of gadgets was a threat to our health, especially physically.

"Technology has made our daily work easier as

it limits our need to move about physically. It has made us more inclined to adopt sedentary behaviour. We've been sitting and lying down more than before. This behaviour has affected our health badly. We've battled enough mental health challenges through this pandemic. We must not succumb to lifestyle diseases, such as cardiovascular diseases, diabetes and hypertension, during the pandemic."

Shafiq said many people had embarked on being active by using health gadgets and applications.

He called for all Malaysians to adopt such technologies as part of efforts towards an active lifestyle.

"As you (Malaysians) pioneered this (active lifestyle), the Health Ministry urges you to share it with your friends and family. Let us encourage our friends and family to be active together. Accomplish the Virtual Run as a family.

"Have a virtual aerobics party at home. Do your workout with your partner through video calls. You can even clean the house, wash the car and do gardening together as a family while observing the new norms.

"We have developed a National Strategic Plan for Active Living (2017-2025), a holistic plan aiming for 10 per cent reduction in physical inactivity by 2025. As such, we believe this celebration will bring us closer to our objective and alleviate ourselves from the burden of disease."

In conjunction with World Physical Activity Day, themed Every Step Counts, the ministry has lined up activities, including a Virtual Run, Steps Challenge and TikTok Challenge, Facebook Live and others, to make the working environment conducive for active living in Putrajaya.

For more information, visit www.myhealth.gov.my.

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

MUKA SURAT : 6

RUANGAN : NEWS/NATION

375,260 have received both doses of vaccine

KUALA LUMPUR: A total of 375,260 individuals in the first phase of the National Covid-19 Immunisation Programme (NIP) have received both doses of their vaccine shots up to Friday, said Health Minister Datuk Seri Dr Adham Baba.

He said in the same period, 565,940 people had received their first dose, bringing the total number of doses administered so far to 941,200.

Based on an infographic shared on his Twitter account yesterday, Selangor recorded the highest number of the first dose administered at 76,273, followed by Sarawak (57,682), Sabah (53,859), Perak (52,639) and Kuala Lumpur (52,110).

Selangor also recorded the highest number of recipients who had completed both doses, totalling 51,383 individuals, followed by Sabah (40,162), Perak (37,884), Kuala Lumpur (33,603) and Sarawak (30,014).

Meanwhile, Dr Adham said 8,378,754 individuals have signed up for the NIP, with Selangor recording the highest number of registrations with 2,250,428 people.



A nurse inoculating a police officer with the Covid-19 vaccine in Kajang on Wednesday.
PIC BY AZHAR RAMLI

According to the programme, the implementation of the first phase of vaccination is from February to April, involving 500,000 frontliners, mainly health workers.

The second phase is from this month to August involving 9.4 million senior citizens aged 60 and above, as well as vulnerable groups with morbidity problems, in addition to persons

with disabilities.

The third phase scheduled from May to February 2022 is for individuals aged 18 and above, targeting about 13.7 million people. **Bernama**

AKHBAR : THE STAR
MUKA SURAT : 5
RUANGAN : NATION

Selangor records 415 cases from the country's total of 1,510

PETALING JAYA: Selangor recorded the highest number of new Covid-19 infections with 415 cases from the country's total of 1,510.

Health director-general Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah said 326 of the cases were detected from the existing clusters and close contact screenings.

"Sarawak had 296 new cases while 171 were recorded in Kelantan. With 1,510 new cases, the total number of Covid-19 infections in the country is 359,117.

"Of the new cases, 1,505 cases were locally transmitted while five were imported cases.

"A total of 1,248 people have recovered, bringing the cumulative discharge cases to 342,737," he said yesterday.

Dr Noor Hisham said the total number of active cases in the country stood at 15,059 cases.

"In the new daily cases, 34 cases were detected from the prison and the immigration detention depot clusters involving the Jalan Harapan prison cluster (13 cases), Tembok Tapah cluster (11 cases), Semuja immigration depot cluster (six cases), Tembok Mempaga cluster (three cases), and Pengkalan Chepa cluster (one case)," he said.

He added that nine new clusters were also recorded with six of them linked to the workplace while the remaining three were from the community.

"Johor recorded two new clusters – the Jalan Kempas Satu cluster and the Jalan Padu Industri cluster.

"Selangor also recorded two new clusters – the Industri Jalan Kebun cluster and the Kampung Kelanang cluster," he said, adding that Sarawak also detected two new clusters, which are the Pujut Satu and Jalan Kapitan cluster.

He said Kelantan, Kuala Lumpur and Terengganu each recorded one new cluster known as the Bandar Baru Kubang Kerian cluster, Jalan Tun Ismail cluster and the Kampung Tanjung respectively.

Presently, there are 343 active clusters.